

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMBUT]**

TARIKH : 09 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kutipan hasil yang diperoleh Jabatan Pengangkutan Jalan Wilayah Persekutuan setiap hari (secara purata), setiap bulan sepanjang tahun 2019 dan 2020, jumlah peruntukan menaik taraf infrastruktur pejabat bagi kegunaan awam dan pegawai Jabatan serta rancangan menambah pejabat cawangan di Kuala Lumpur.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, purata kutipan hasil harian yang diperolehi Jabatan Pengangkutan Jalan Wilayah Persekutuan (JPJ WPKL) untuk tahun 2019 adalah RM1,573,883.48 dan untuk tahun 2020 adalah RM1,197,755.70 (sehingga Oktober 2020).

2. Selain itu, jumlah peruntukkan yang diterima bagi memperbaiki dan menaik taraf infrastruktur pejabat bagi kegunaan awam dan pegawai JPJ WPKL adalah sejumlah RM344,900.00 bagi tahun 2019 dan RM366,659.50 bagi tahun 2020. Peruntukkan ini adalah bagi menampung kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan skop kerja sivil, mekanikal dan elektrik melibatkan semua pejabat/cawangan di bawah JPJ WPKL.

3. Untuk tujuan menaik taraf pejabat/cawangan JPJ WPKL, pihak Jabatan telah mendapatkan pandangan dan penilaian oleh agensi teknikal melalui Jabatan Kerja Raya Malaysia. Anggaran kos keseluruhan bagi menaik taraf pejabat/cawangan terlibat adalah sebanyak RM3,305,205.00.

4. Pihak Kementerian Pengangkutan mengambil maklum akan peningkatan bilangan orang awam yang mengunjungi pejabat/cawangan Jabatan Pengangkutan Jalan. Bagi menambah baik aspek penyampaian perkhidmatan, Kementerian dan JPJ dan sentiasa melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan termasuklah memperluaskan urusan niaga atau perkhidmatan secara atas talian. Inisiatif sebegini akan membolehkan orang ramai melengkapkan urusan niaga terlibat mengikut keselesaan dan masa sendiri seterusnya mengurangkan kesesakan di pejabat-pejabat JPJ untuk jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.